

PERKEMBANGAN PENULISAN DAN KRITIKAN SENI VISUAL oleh Dr. Mohd Johari Ab. Hamid. Penerbit: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak. 2013. Halaman: 261. ISBN: 978-967-0480-16-9.

Seni merupakan sebahagian daripada aktiviti kebudayaan manusia. Menurut para sarjana seperti Jabbar Beg, Ismail Faruqi, Ernst Diez dan ramai lagi, seni merupakan jelmaan apa yang terkandung dalam sanubari manusia. Dalam menghargai karya-karya kesenian, masyarakat dibantu dengan penulisan dan penerbitan yang membuka ruang untuk mereka mendekati, mempelajari dan memahami berkaitan seni. Antara bentuk penulisan tentang seni ialah penulisan kritikan seni yang dapat menyumbang kepada kesedaran dan pemahaman akan kesenian. Melalui penulisan kritikan seni, kita dapat menganalisa dan mengetahui pemikiran penulis terhadap seni visual dan kaitannya dengan keadaan sosial serta pergolakan kejadian semasa. Usaha buku seumpama *'Perkembangan Penulisan dan Kritikan Seni Visual'* ini wajar diberi perhatian.

Buku ini memuatkan sembilan bab dan mengandungi 261 halaman. Tajuk bab-bab yang dituliskan mengikut aturan adalah Penulisan Awal Seni Visual, Seni Kartun dan Jenaka, Peranan Akhbar, Seni Visual Era 40-an, Seni Visual Era 50-an, Polemik Seni, Cahaya Seni Mula Bersinar, Penulisan Era Tahun 1980an, Penulisan Seni Visual Era Terkini, dan diikuti Bibliografi dan Indeks. Setelah dibaca keseluruhannya isinya, pengulas merasakan bahawa buku ini ditulis sebagai bacaan umum kerana kandungan yang ditulis tidaklah terlalu terperinci. Aturan babnya pula bercampur antara susunan kronologi dan topikal. Bentuk penulisan pula menggunakan pendekatan konstekstual bermaksud pengkajian dan penulisan sejarah yang berkait rapat dengan konteks ruang waktu tertentu. Banyak ilustrasi telah dimuatkan di dalam buku ini dan penyampaian penulisan juga mudah untuk difahami.

Di dalam bab satu iaitu 'Penulisan Awal Seni Visual'. Penulis menerangkan sejarah bermulanya penulisan yang dianggap sebagai kritikan seni di Tanah Melayu. Penulis mengatakan tiada kritikan berjaya dikesan seawal tahun 1900-an kerana masyarakat belum didedahkan kepada karya berbentuk kanvas dan kertas. Di sini, dapat dilihat bahawa penulis mengaitkan penulisan kritikan seni itu dengan kegiatan seni di atas kanvas dan kertas. Namun persoalan timbul, adakah penulisan kritikan seni itu hanya dikaitkan dengan seni di atas kanvas dan kertas sahaja? Apakah yang dimaksudkan dengan kritikan seni? Daripada perspektif apakah kritikan seni itu ditulis? Apakah yang dimaksudkan dengan kritikan seni? Dari perspektif manakah kritikan seni itu ditulis? Adakah ini suatu budaya tempatan atau dibawa dari luar? Semua persoalan ini pada hemah pengulas adalah penting dan sepatutnya diterangkan dalam bab permulaan penulisan buku.

Kemudian, di dalam bab yang sama, penulis menerangkan bentuk seni visual yang boleh didapati dari tahun 1900 hingga 1920-an yang lebih tertumpu kepada akhbar dan majalah berbahasa Inggeris. Menurut beliau, pada peringkat awal ini, akhbar dan majalah sarat dengan pengaruh Eropah dan Barat kerana beberapa sebab; pertama, kebanyakan syarikat percetakan dan penerbitan dikuasai oleh orang-orang British; kedua, golongan sasaran syarikat-syarikat ini adalah golongan pemerintah Inggeris dan golongan bangsawan tempatan yang lebih mudah memahami dan menggemari bahasa Inggeris; dan yang ketiga, masyarakat umumnya tidak berpendidikan tinggi dan tidak mampu membaca selain tulisan jawi, apatah lagi berbahasa Inggeris. Di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah ini dimuatkan hasil seni visual berbentuk ilustrasi logo dan iklan barangan.

Di dalam bab pertama ini juga penulis menerangkan antara hasil seni visual lain yang terdapat dalam era tersebut adalah penghasilan poskad dan setem yang menjadi suatu hobi popular masyarakat tempatan. Namun, penulis tidak pula menyatakan dengan lebih terperinci siapakah golongan tersebut, peringkat umur mereka dan mengapakah mereka menggemari hobi sedemikian. Penulis juga ada menyatakan sejak awal 1900-an, penghasilan seni visual fotografi juga bergiat aktif. Namun, apa yang pengulas kurang jelas adalah penulis mengatakan bahawa seni visual pada poskad, setem dan fotografi dianggap sebagai sebahagian daripada kritikan seni. Namun, tiada penerangan apa yang dimaksudkan dengan kritikan seni. Ini boleh mengelirukan pembaca. Penulis menyebut bahawa setem juga sebahagian daripada kritikan seni namun tidak memberikan sebarang petikan mahupun rujukan.

Bab yang seterusnya iaitu bab kedua bukanlah kesinambungan kronologi bab pertama. Bab kedua ini membawa tajuk 'Seni Kartun dan Jenaka'. Di dalam bab ini, penulis menerangkan tentang seni visual berbentuk ilustrasi kartun yang membawa nasihat dalam bentuk jenaka yang banyak dimuatkan dalam dada akhbar. Menurutnya, selepas tahun 1920-an, semakin ramai kaum Melayu yang mampu untuk mengusahakan syarikat percetakan dan penerbitan. Ini menyebabkan wujudnya akhbar-akhbar Melayu bertulisan Jawi. Di dalam akhbar-akhbar ini, ilustrasi kartun banyak memainkan peranan untuk mengusik jiwa rakyat bagi memperjuangkan hak mereka di negara sendiri, yang dikuasai pihak British dan dibanjiri pendatang asing yang dibawa masuk oleh British. Pelbagai nasihat tentang etika, akhlak, dan agama juga dilakarkan melalui ilustrasi kartun dan syair atau pantun.

Apa yang menarik perhatian pengulas, penulis juga menyatakan bagaimana seniman pada era tersebut menyedari akan bahaya pengaruh falsafah pemikiran Barat yang menular halus ke dalam pemikiran masyarakat terutamanya melalui pendidikan. Mungkin boleh dikatakan pada tahun 1900-an, masih terdapat ramai di antara masyarakat Melayu yang berpegang kuat akan ajaran agama Islam yang menjadi asas pengetahuan mereka yang suci dari pengaruh Barat. Namun, penulis di dalam bab ini tidak pula menerangkan apa-apa berkaitan penulisan kritikan seni. Apa yang didapati adalah lebih kepada pengutaraan tentang karikatur atau seni berbentuk kritikan dan bukanlah kritikan terhadap seni.

'Peranan Akhbar' pula dimuatkan sebagai bab ketiga. Akhbar pada era 1930-an juga mempunyai peranan utama menyiarkan penulisan berkaitan seni. Antara akhbar-akhbar yang disebutkan ialah *Al-Hikmah*, *Warta Melayu*, dan *Dewasa*. Namun sedikit mengelirukan apabila penulis kemudian mengatakan, apa yang boleh didapati dari akhbar-akhbar ini adalah lukisan komik, ilustrasi iklan, gambar foto, dan lukisan pemandangan. Kesemua yang disebutkan ini sama sekali bukanlah penulisan berkaitan kritikan seni. Kemudian penulis menerangkan hasil seni tersebut dari perspektif formalisma (analisa hasil seni berdasarkan bentuk luarannya), dan masih tidak melaporkan tentang perkembangan penulisan dan kritikan seni. Namun, apa yang boleh diperhatikan, penulis sendiri yang mengkritik hasil-hasil seni tersebut secara mendalam. Ini berbeza dari apa yang difahami dari judul buku ini iaitu 'Perkembangan Penulisan dan Kritikan Seni Visual'.

Dalam bab ke-empat, dan ke-lima, penulis menukar tajuk bab kepada bentuk kronologi pula, iaitu era 40-an pada bab empat dan era-50an pada bab ke lima. Bab ke-empat dimulakan dengan penulisan seseorang bernama E.Banks di dalam jurnal antarabangsa iaitu *Journal Malayan Branch Royal Asiatic* berkenaan ukiran-ukiran kayu yang dihasilkan kaum Dayak Laut. Ini barulah sejajar dengan judul buku ini berkenaan penulisan dan kritikan seni visual. Maka, pertanyaan yang timbul, adakah penulisan kritikan seni ini hanya bermula pada era 40-an? Atau

adakah lebih awal dari itu, tetapi tidak dinyatakan oleh penulis? Selain dari itu, dalam bab pertama sebelum ini, penulis ada kaitkan penulisan kritikan seni dengan pendedahan masyarakat terhadap seni di atas kanvas dan kertas. Namun di sini menunjukkan kritikan seni itu tidak semestinya terhadap hasil seni di atas kanvas dan kertas sahaja. Bahkan, seni visual itu luas cakupannya, merangkumi lukisan, ukiran, fotografi, videografi dan filem, dan seni bina.

Di dalam bab ke-empat ini juga, penulis menerangkan keadaan dan perkembangan seni ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Majalah *Semangat Asia* telah berjaya memainkan peranan penting akan kelangsungan kegiatan seni dengan menanamkan semangat perjuangan dalam kalangan orang-orang Melayu. Majalah seperti ini juga adalah sebahagian daripada penulisan dan kritikan seni.

Di dalam bab ke-lima, sesuai dengan tajuknya ‘Seni Visual Era 50-an’. Bab ini menerangkan bagaimana seni visual setelah zaman pendudukan Jepun. Termasuklah tentang bagaimana pada tahun-tahun terakhir pendudukan Jepun kegiatan seni menjadi semakin rancak. Bab ini lebih didedikasikan kepada menerangkan tokoh-tokoh seni yang berperanan mencorakkan kesenian dan pendidikan seni di tanah air. Namun, penulis tidak menceritakan perkembangan penulisan kritikan seni, sebaliknya penulis sendiri yang mengkritik perkembangan kesenian era tersebut.

Di dalam bab ke-enam, iaitu ‘Polemik Seni.’ Penulis telah mengemukakan beberapa artikel yang berbentuk kritikan seni. Dari penulisan penulis, mungkin boleh disimpulkan bahawa bermula 1950-an, seniman lebih bebas dan aktif bergiat dalam aktiviti kesenian. Antara faktornya adalah kebebasan dari pendudukan kejam Jepun. Semangat perjuangan tercetus yang membawa kepada kemerdekaan Tanah Melayu. Akibatnya, banyak karya seni dihasilkan yang kemudiannya mempengaruhi aktiviti penulisan kritikan seni pada era 60-an. Di dalam bab ke-enam ini, penulis tidak menerangkan berapa artikel yang akan dibincangkan, dan mengapa artikel-artikel tersebut dipilih. Terdapat beberapa pengulangan ayat yang sama mengakibatkan bacaan menjadi kaku dan meleret.

Bab ke-tujuh yang bertajuk ‘Cahaya Seni Mula Bersinar’ menceritakan keadaan seni visual pada era 70-an. Di dalam bab ini, penulis menceritakan tentang peranan institusi, akademi, dan persatuan-persatuan yang menyemarakkan lagi perkembangan seni tempatan. Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang ditubuhkan pada tahun 1956 berperanan penting menghimpunkan secara konsisten karya-karya agung seniman Malaysia. BSLN dianggap sebagai pusat keunggulan seni negara Malaysia. Selain daripada itu, akademi-akademi seni halus banyak tertubuh kerana pengaruh seniman kaum Cina yang berhijrah dari Cina ke Asia Tenggara. Budaya akademi tersebut hanya diperkenalkan di Tanah Melayu setelah kedatangan mereka yang kemudian menubuhkan Akademi Nanyang. Seniman tempatan kemudian mula menubuhkan akademi atau persatuan sendiri yang mempunyai matlamat, fahaman, dan gaya berbeza. Antaranya seperti Kumpulan Anak Alam, dan Persatuan Pelukis Malaysia. Di dalam bab ini, penulis telah menulis dengan terperinci akan aktiviti dan sumbangan mereka yang memainkan peranan penting di dalam tiap-tiap persatuan tersebut. Kesemua persatuan ini juga telah memainkan peranan penting dalam perkembangan penulisan kritikan seni.

Dalam dua bab terakhir, iaitu bab lapan dan sembilan, penulis menerangkan perkembangan seni Malaysia dari era 1980-an sehingga era 2000-an. Menurut penulis, perkembangan penulisan seni terus menyemarak dengan adanya akhbar, majalah, dan buku-buku yang dihasilkan.

Contoh-contoh karya penulisan yang disebutkan penulis adalah seperti berikut:

Akhbar:

- Utusan Malaysia
- Berita Minggu

Majalah:

- Dewan Budaya

Buku-buku

- *Modern Artists of Malaysia*
- *Contemporary Malaysian Art*
- *Rupa Malaysia – a Decade of Art, 1987-1997.*

Penulis menerangkan, karya-karya penulisan kritikan seni sejak era 1980-an hingga 2000-an ini banyak menekankan isu-isu berkaitan seni dari perspektif formalisma seperti olahan yang digunakan, perasaan yang dibangkitkan, dan sebagainya. Selain itu, mereka juga lebih menekankan gaya berbeza yang dibawa dari pengaruh seni visual Barat, seperti Ekspresionisme, Impressionisme, Pop-art, dan lain-lain.

Penelitian terhadap buku ini mendapati secara keseluruhannya amat bagus, informatif dan perlu dimiliki pengkaji sejarah kesenian Malaysia, pelajar kesenian, juga penggiat seni, mahupun sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami tentang perkembangan penulisan dan kritikan seni visual Malaysia. Namun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat oleh penulis.

Pengulas mencadangkan agar penulis dapat menerangkan terlebih dahulu beberapa perkara pada permulaan bab, seperti fokus genre seni yang ingin diketengahkan sama ada lukisan atas kanvas atau kertas sahaja, atau ukiran, atau fotografi, atau lain-lainnya, atau kesemuanya sekali. Sekiranya penulis memilih kesemuanya sekali, maka ketiadaan kritikan seni pada permulaan 1900-an tidak sepatutnya dikaitkan dengan kesedaran lukisan atas kanvas dan kertas sahaja seperti yang disebutkan di dalam bab pertama.

Pengulas juga mencadangkan agar penulis menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan kritikan seni, dan apakah perbezaannya dengan seni kritikan. Hal ini kerana, dalam salah satu bab buku ini, penulis mengatakan bahawa ilustrasi dan nasihat adalah sebahagian daripada kritikan seni. Namun pada hemah pengulas, ini lebih sesuai dikatakan sebagai seni kritikan, iaitu seni berbentuk kritikan terhadap isu semasa atau terhadap sesuatu permasalahan. Pengulas merasakan beberapa bab wajar ditambahkan iaitu bab Pengenalan atau Latar Belakang, dan bab Penutup atau Kesimpulan yang dituliskan analisa menyeluruh yang ringkas.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang disebutkan sebelumnya, secara keseluruhan buku ini amat bermanfaat. Buku ini mengandungi banyak isi-isi penting berkenaan sejarah perkembangan seni, penggiat-penggiat utama seni, serta para penulis dan pengkritik seni terutamanya selepas kemerdekaan. Ini termasuk perkembangan epistemologi kesenian di Malaysia dan perkembangan penulisan kritikan terhadap hasil seni.

Dengan pembaikan daripada segi turutan bentuk penulisan yang lebih teratur dan berkesinambungan dan fokus yang sepatutnya diberikan menurut judul buku, sudah pasti buku ini dapat menyumbang kepada kefahaman mendalam akan corak pemikiran semasa pengkritik-pengkritik seni dan seniman-seniman tanah air.

Noor Idayu Abd Wahid

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor